

PULAU PINANG, 29 MAC (BERNAMA) -- PENERUSI KEBANGSAAN PARTAI SOSIALIS RAKYAT, ENCIK KASSIM AHMAD HARI INI MENGECEM HEBAT SENATOR DR. MAHATHIR MOHAMED KERANA MENCABAR PEMIMPIN PARTI ITU.

SENATOR DR. MAHATHIR TELAH MENCABAR PEMIMPIN PARTI RAKYAT SUPAYA MEMBEKALKAN +LIMA JUTA KATI GULA IMPOT DENGAN HARGA 50 SEN SEKATI+ UNTUK MENYOKONG TUDUHAN MEREKA KONONNYA KERAJAAN SENGAJA MENIMBULKAN INFLASI DI NEGARA INI.

ENCIK KASSIM BERKATA DALAM SATU KENYATAAN BAHAWA DR. MAHATHIR PERLU MENGETAHUI TENTANG DASAR-DASAR PARTI RAKYAT.

+KITA MENYOKONG SATU EKONOMI YANG BERANCANG DAN SATU SISTEM EKONOMI DIMANA PARA PEMODAL BESAR TIDAK MENGAMBIL KESEMPATAN DIATAS PARA PENGGUNA,+ KATANYA.

ENCIK KASSIM MENYATAKAN BAHAWA PARTINYA IALAH SEBUAH PARTI POLITIK SOSIALIS DAN BUKANNYA SEBUAH PERBADANAN PERDAGANGAN.

OLEH ITU, TIDAK TIMBUL SOAL BAGINYA MENGADAKAN PERJANJIAN DENGAN SENATOR DR. MAHATHIR UNTUK MEMBEKALKAN GULA.-BERNAMA 1910/MM